

192

SOALAN NO: 385

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]

SOALAN : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -

statistik pendapatan nelayan-nelayan termiskin di Malaysia hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, pengkelasan miskin tegar luar bandar adalah merujuk kepada isi rumah berpendapatan di antara RM580 sehingga RM610 sebulan. Manakala miskin luar bandar adalah isi rumah berpendapatan di antara RM870 sehingga RM1,180 sebulan.

Melalui Bancian Sosio Nelayan Tahun 2007/2008 yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, bilangan nelayan yang tergolong di dalam kategori miskin tegar luar bandar adalah seramai 737 orang dan miskin luar bandar adalah berjumlah 2,154 orang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam mendapatkan perangkaan terkini mengenai maklumat nelayan, LKIM telah menjalankan Bancian Sosio Ekonomi tahun 2016/2017 yang akan diterbitkan pada tahun 2018.